

145

NO SOALAN :60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN (PAGOH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2018

Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada beliau bertanggungjawab atas kegagalan 1MDB setelah beliau sendiri mengakui berlaku kegagalan serta ada kesilapan Kerajaan ketika berucap di Invest Malaysia 2018. Nyatakan "kegagalan' dan 'kesilapan' tersebut secara terperinci kepada Dewan Rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya cadangan yang telah dibuat oleh PAC. Ini termasuklah pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) 1MDB yang baharu bagi menggantikan ALP terdahulu yang telah meletakan jawatan.

Penukaran lembaga pengarah ini mencerminkan hala tuju dan komitmen 1MDB dalam menjayakan pelan rasionalisasi untuk melunaskan komitmen kewangan syarikat.